

Pelaksanaan Prosiding Reman dalam Era COVID-19 di Malaysia dan India:  
Pengajaran dan Cadangan Penambahbaikan di Malaysia  
(Implementation of Remand Proceedings in the COVID-19 Era in Malaysia and  
India: Lessons and Recommendations for Improvement in Malaysia)

ABIDAH RAHIM  
MUHAMAD SAYUTI HASSAN  
YEOH HUI XIAN  
NUR ALIAH BT AMRAN

ABSTRAK

*Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan penularan COVID-19 di seluruh dunia sebagai pandemik pada 11 Mac 2020. Penularan COVID-19 ini semakin hari semakin membimbangkan dan telah membawa cabaran yang sangat besar kepada pelaksanaan prosiding reman di seluruh negara, khususnya negara Malaysia dan India. Cabaran-cabaran yang belum pernah dihadapi ini juga telah menimbulkan kesukaran dalam melaksanakan prosiding reman mengikut undang-undang yang sedia ada kerana menurut undang-undang, satu permohonan reman perlu dibuat kepada Majistret sekiranya siasatan tidak boleh diselesaikan dalam tempoh 24 jam supaya suspek boleh ditahan lanjut bagi satu tempoh masa tertentu yang diperintahkan oleh Majistret untuk menyempurnakan siasatan. Penulisan artikel ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan rujukan kepada bahan bacaan seperti buku, artikel dan laporan kes. Artikel ini menganalisis pelaksanaan prosiding reman yang diamalkan di negara Malaysia dan India dalam era pandemik COVID-19. Artikel ini seterusnya membandingkan pelaksanaan prosiding reman antara Malaysia dengan India semasa pandemik COVID-19. Artikel ini seterusnya mencadangkan penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan ke atas pelaksanaan prosiding reman yang sedia ada di Malaysia dalam era pandemik COVID-19. Artikel ini mendapati bahawa Malaysia dan India telah mengambil langkah dalam menangani cabaran yang dihadapi semasa wabak COVID-19 melanda penjara-penjara di mana tahanan reman berada. Terdapat persamaan dan perbezaan dalam pelaksanaan prosiding reman antara negara Malaysia dengan India sewaktu pandemik COVID-19 dan terdapat amalan di negara India yang boleh dijadikan panduan oleh Malaysia. Artikel ini juga telah mencadangkan pelbagai langkah yang boleh diambil oleh Malaysia untuk menambahbaikkkan pelaksanaan prosiding reman di Malaysia dalam era pandemik COVID-19 ini atas pandangan bahawa langkah yang sedia ada masih tidak mencukupi.*

*Kata kunci: COVID-19; Malaysia; India; prosiding; pandemik; reman*

ABSTRACT

*The World Health Organisation (WHO) has declared COVID-19 as a global pandemic on March 11, 2020. The spread of COVID-19 is increasingly worrying, and it has brought significant challenges to the implementation of remand proceedings in every country, especially Malaysia and India, which are the subjects of discussion in this article. According to the law, a remand application must be made to the Magistrate if the investigation cannot be completed within 24 hours so that the suspect can be further detained for a certain period of time ordered by the Magistrate to complete the investigation. These unprecedented challenges have also caused difficulties in carrying out the remand proceedings in accordance with the existing laws. This article adopts the library method fully concerning the reading materials such as books, articles and reported cases. This article analyses the implementation of remand proceedings in Malaysia and India in the era of the COVID-19 pandemic. This article further compares the implementation of remand proceedings in Malaysia and India during the COVID-19 pandemic. This current study suggests improvements to the existing implementation of remand proceedings in Malaysia in the era of the COVID-19 pandemic. This article found that Malaysia and India have taken steps in overcoming the challenges faced during the COVID-19 pandemic that hit the prisons where the remand prisoners are located. There are similarities and differences in the implementation of remand proceedings between Malaysia and India during the COVID-19 pandemic. This article also suggests various steps taken by Malaysia to improve the remand proceedings in Malaysia in this era of COVID-19 pandemic on the opinion that the existing actions taken are still insufficient.*

*Keywords: COVID-19; Malaysia; India; proceedings; pandemic, remand*

## PENGENALAN

Seluruh dunia kini mengalami penularan penyakit berjangkit yang boleh membawa maut disebabkan oleh koronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2), yang dipanggil sebagai penyakit koronavirus 2019 (COVID-19).<sup>1</sup> Virus corona ini mula ditemui di Wuhan, China pada akhir Disember 2019 yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), setakat 26 Julai 2021, jumlah keseluruhan angka kes COVID-19 yang dicatatkan diseluruh Malaysia ialah sebanyak 1,027,954 kes dengan 7,994 kematian.<sup>2</sup> Di India pula, terdapat sejumlah 31,411,262 kes jangkitan COVID-19 dicatatkan sehingga 26 Julai 2021 dengan sebanyak 420,967 kematian seluruh India.<sup>3</sup> Virus SARS-CoV-2 ini boleh merebak melalui zarah cair kecil dari mulut atau hidung orang yang dijangkiti ketika mereka batuk, bersin, bercakap, bernyanyi atau bernafas dengan kuat, terutamanya apabila orang yang dijangkiti berada dalam jarak rapat dengan orang lain.<sup>4</sup> COVID-19 adalah penyakit serius yang tidak mempunyai sebarang penawar atau vaksin yang diketahui buat masa ini.<sup>5</sup> Oleh yang demikian, langkah penjarakan fizikal adalah cara yang penting dalam mengawal penyebaran penyakit.<sup>6</sup>

Penularan wabak COVID-19 telah membawa cabaran yang besar kepada pelaksanaan reman di seluruh negara bukan sahaja dari segi pelaksanaan prosiding permohonan reman tetapi juga melibatkan proses pelaksanaan perintah reman. Hal ini dapat dilihat dan digambarkan dengan lebih jelas melalui kejadian penularan wabak COVID-19 dalam penjara-penjara di India dan Malaysia. Di India, terdapat penjara yang telah menjadi kawasan panas COVID-19 termasuklah penjara-penjara di Delhi, Jaipur, Penjara Pusat Puzhal di Chennai, Penjara Pusat Cuddalore, Penjara Pusat Warangal, Penjara Daerah Sangli, Penjara Daerah Ballia dan lain-lain lagi. Penjara Delhi mempunyai tiga kompleks di Tihar, Mandoli dan Rohini dan setakat Ogos 2020, terdapat lebih daripada 220 orang tahanan dan kakitangan Penjara Delhi yang telah disahkan positif COVID-19. Keadaan adalah sangat teruk di Penjara Pusat Guwahati di mana sebanyak 435 orang tahanan telah dijangkiti penyakit COVID-19 dan penjara tersebut telah diisytiharkan sebagai zon pengurungan (*containment zone*) pada minggu kedua bulan Julai 2020.<sup>7</sup>

Pada awal bulan Oktober 2020, kejadian penularan wabak COVID-19 dalam penjara-penjara

juga berlaku di Malaysia yang membabitkan Kluster Penjara Reman Pulau Pinang dan Kluster Penjara Jawi.<sup>8</sup> Jumlah banduan di Penjara Reman Pulau Pinang adalah seramai 2,303 orang.<sup>9</sup> Jumlah ini telah melebihi kapasiti sebenar iaitu sebanyak 109.36 peratus atau berjumlah 1,203 orang. Masalah kesesakan banduan bukan sahaja di Penjara Pulau Pinang bahkan turut melibatkan beberapa buah penjara yang lain. Rekod Jabatan Penjara Malaysia sehingga 2 Disember 2020 menunjukkan jumlah banduan yang terdapat di 339 buah penjara adalah seramai 60,694 iaitu 14.274 atau pada kadar 30.75 peratus melebihi kapasiti daripada angka asal iaitu 46,420 tersebut. Manakala statistik penularan COVID-19 pada 2 Disember 2020 menunjukkan jumlah positif COVID-19 dalam kalangan banduan di penjara seluruh negara adalah sebanyak 500 kes dan bagi anggota serta keluarga anggota adalah sebanyak 37 kes.

Keadaan ini menunjukkan terdapatnya risiko kebolehjangkitan yang tinggi mengenai penyakit COVID-19 dalam kalangan tahanan reman. Hal ini dikatakan demikian kerana tahanan reman biasanya akan ditahan lebih lanjut di lokap, iaitu bilik kurungan yang terdapat di sesebuah balai polis atau di penjara reman. Lokap balai polis atau penjara reman merupakan satu tempat tertutup dan selalunya beberapa orang akan ditempatkan dalam satu sel yang sama. Dalam keadaan ini, adalah sukar bagi tahanan reman untuk mengamalkan penjarakan fizikal bagi mengawal penyebaran penyakit COVID-19. Sekiranya seseorang tahanan reman menjangkiti COVID-19, wabak ini akan disebarkan dengan meluas dalam kalangan kakitangan atau tahanan yang lain. Kesesakan yang berlaku di penjara turut telah menyukarkan pegawai dan kakitangan penguatkuasa yang bertugas di lokap balai polis atau penjara reman untuk menjalankan prosedur operasi standard yang bersesuaian. Pengetahuan tahanan reman mengenai penyakit COVID-19 yang rendah juga menambah beban kepada pihak berkenaan untuk mengadakan langkah-langkah bagi mencegah penyebaran dalam kalangan tahanan reman.<sup>10</sup> Akibat pandemik COVID-19, pegawai polis juga menghadapi cabaran dalam melaksanakan tatacara untuk membawa suspek ke hadapan Majistret dalam tempoh 24 jam dari masa tangkapan bagi permohonan reman. Dalam konteks ini, satu penambahbaikan dilakukan terhadap pelaksanaan prosiding reman di Malaysia untuk menangani cabaran yang dihadapi dalam masa pandemik COVID-19.

## SOROTAN KAJIAN

Penyakit COVID-19 yang akibat daripada penyebaran SARS-CoV-2 telah merebak ke seluruh dunia pada tahun 2020 dan keadaan ini telah menimbulkan ancaman yang besar terhadap kesihatan awam. Terdapat pelbagai kajian yang telah membincangkan sejarah penularan COVID-19 ke seluruh dunia dan keseriusan wabak COVID-19 ini terhadap manusia dari pelbagai aspek. Hayat Ouassou et al. (2020) menjelaskan bahawa SARS-CoV-2 ini menunjukkan penularan dan patogenik yang tinggi. Ia boleh disebarkan dari manusia ke manusia melalui titisan cecair dan sentuhan.<sup>11</sup> Wu Yi-Chi et al. (2020) berpendapat bahawa memandangkan tidak ada rawatan standard untuk COVID-19, ia adalah penting untuk mengelakkan jangkitan atau penyebaran lanjut.<sup>12</sup> Menurut Asita Elengoe (2020), langkah pencegahan adalah sangat penting untuk mencegah dan mengawal penyebaran virus SARS-CoV-2 yang cepat kerana tidak ada vaksin atau rawatan khusus untuk penyakit COVID-19 sehingga kini.<sup>13</sup>

Terry Skolnik (2020) dalam artikelnya yang bertajuk "*Criminal law during (and after) COVID-19*" menerangkan bahawa pandemik ini telah mengubah semua benda, termasuklah undang-undang jenayah. Dalam artikel ini, beliau telah membincangkan kesan semasa dan kesan potensi COVID-19 ke atas tiga bidang spesifik dalam undang-undang jenayah di Kanada yang merangkumi skop jenayah-jenayah tertentu, jaminan dan hukuman. Terry Skolnik (2020) berpendapat bahawa jika tertuduh ditolak untuk jaminan, mereka akan menghadapi risiko untuk didedahkan kepada wabak COVID-19 di pusat tahanan.<sup>14</sup> Beliau turut menyatakan bahawa adalah keberatan untuk mereman tertuduh dalam tahanan dan mendedahkan mereka kepada COVID-19 memandangkan kadar jangkitan dalam pusat tahanan adalah tinggi.<sup>15</sup>

Menurut Stefan Enggist et al. (2014), penjara bukanlah satu tempat yang sihat dan penyakit berjangkit sering disebarkan dalam kalangan tahanan. Faktor kontekstual di dalam penjara menyumbang kepada risiko penularan penyakit berjangkit yang lebih tinggi dalam kalangan tahanan.<sup>16</sup> Antara faktor tersebut adalah kesesakan yang berlaku dalam penjara, kelewatan dalam memberi diagnosis dan rawatan, serta akses yang terhad kepada air, sabun atau pencuci. Dalam kajian ini, Stefan Enggist et al. (2014) berpendapat bahawa kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan perlindungan kesihatan di mana tahanan yang berada dalam

tahanan mereka tidak terdedah kepada ancaman serius terhadap kesihatan mereka. Ia menjadi amat mencabar apabila banyak penjara yang sedia ada telah lama dan sering mengalami kesesakan.<sup>17</sup>

Sungguh pun begitu, perbincangan mengenai amalan dan tatacara jenayah di Malaysia dalam konteks Covid-19 masih terhad. Berdasarkan tinjauan literatur di atas, bolehlah disimpulkan bahawa masih terdapat kelompangan dalam korpus perbincangan ilmu tatacara jenayah berkaitan pelaksanaan reman dalam era pandemik Covid-19 di Malaysia. Justeru, artikel ini menganalisis tentang pelaksanaan prosiding reman yang diamalkan di negara Malaysia dan India dalam era pandemik COVID-19. Artikel ini seterusnya membandingkan pelaksanaan prosiding reman yang diamalkan di negara Malaysia dan di negara India semasa pandemik COVID-19. Artikel ini turut mencadangkan penambahbaikan yang boleh dibuat ke atas pelaksanaan prosiding reman di Malaysia sedia ada agar lebih mantap dan sesuai untuk digunapakai dalam era pandemik COVID-19.

## HAK ORANG DALAM TAHANAN TERHADAP PERKHIDMATAN KESIHATAN DI MALAYSIA

Sumber utama panduan mengenai layanan terhadap tahanan dan pengurusan institusi yang melaksanakan hukuman iaitu Jabatan Penjara Malaysia adalah berdasarkan Peraturan-Peraturan Minimum Standard bagi Layanan Terhadap Tahanan (Peraturan Nelson Mandela (PNM)). PNM yang asal telah diluluskan oleh Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1957. Sebahagian besar peraturan ini telah disemak semula untuk memastikan amalan serta norma baru diterima masyarakat antarabangsa dan telah diterima pakai sebulat suara semasa Perhimpunan Agung PBB pada tahun 2015.<sup>18</sup>

Dalam usaha Jabatan Penjara Malaysia mentadbir dan menguruskan penahanan, keselamatan, layanan, pemulihan dan pengintegrasian penghuni adalah bersandarkan akta dan peraturan yang telah diluluskan di Parlimen dan juga mematuhi standard antarabangsa yang ditetapkan iaitu *United Nations Standard Minimum Rules for the Treatment of Prisoners 1955* atau *The Mandela Rules*. Oleh itu, bagi memenuhi tuntutan hak asasi penghuni, Jabatan Penjara Malaysia bertanggungjawab dalam memastikan layanan terhadap banduan adalah secara profesional berlandaskan undang-undang dan nilai-nilai kemanusiaan secara adil dan saksama. Dalam masa yang sama juga, tiada amalan diskriminasi

terhadap penghuni disebabkan oleh faktor perbezaan bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama dan juga fahaman politik.<sup>19</sup>

Berdasarkan Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 2016, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) telah mengesyorkan kepada Jabatan Penjara Malaysia untuk menangani masalah kesesakan dan makanan yang tidak bersih kerana kedua-dua perkara tersebut mungkin menjadi faktor yang telah memburukkan keadaan kesihatan banduan ditambah dengan kelewatan dalam pemberian rawatan perubatan yang sesuai. Dalam hal ini, Prinsip Asas PBB bagi Layanan Banduan 1990 menyatakan bahawa:

“Banduan hendaklah mempunyai akses kepada perkhidmatan kesihatan yang ada di sesebuah negara tanpa diskriminasi disebabkan status mereka dari sudut undang-undang.”

SUHAKAM menyeru pihak berkuasa agar melaksanakan syor-syor Suruhanjaya sebagaimana yang telah digariskan di dalam konsep hak kepada kesihatan. Ia haruslah dilaksanakan tanpa mengira status individu berdasarkan undang-undang supaya penjagaan kesihatan dapat mencapai piawaian secara menyeluruh, termasuklah banduan, apabila klinik di kebanyakan penjara di Malaysia dilihat tidak mencapai piawaian yang minimum.<sup>20</sup> Jika hak kepada kesihatan tidak diberikan kepada tahanan semasa pandemik COVID-19, kebarangkalian kebolehhangkitan wabak ini akan merebak dalam kalangan tahanan di lokap dan penjara sekiranya garis panduan tidak diikuti berkaitan tindakan pencegahan wabak ini kerana mereka juga mempunyai hak untuk dilindungi daripada jangkitan semasa dalam tahanan.<sup>21</sup>

Selain itu, *Human Rights Watch* (HRW) iaitu organisasi bukan kerajaan antarabangsa yang menjalankan penyelidikan dan advokasi hak asasi manusia. Organisasi ini diasaskan oleh Robert L. Bernstein dan Aryeh Neier sebagai sebuah NGO Amerika swasta pada tahun 1978. Asia Watch, Afrika Watch dan Timur Tengah Watch kemudiannya ditambah dan dikenali sebagai “The Watches Committee”. Pada tahun 1988, semua jawatankuasa tersebut telah bersatu untuk membentuk Human Rights Watch. Pada 26 April 2020, HRW telahpun mengkritik pelaksanaan pencegahan jenayah di Malaysia khususnya yang berkait dengan COVID-19.<sup>22</sup> Mereka mencadangkan supaya mereka yang melanggar arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tidak dipenjarakan

untuk mengelakkan kesesakan di penjara. Menurut seksyen 11(4) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, sesiapa yang melanggar garis panduan PKP boleh dipenjarakan selama dua tahun atau denda, atau kedua-duanya sekali.

Statistik menunjukkan Malaysia telah pun menahan sebanyak 15,000 orang kerana melanggar arahan PKP tersebut pada 18 Mac 2020. Dengan jumlah seramai itu, adalah mustahil untuk menjaga jarak sosial dalam tempat tahanan yang sesak. Pada 15 April 2020, kerajaan Malaysia mengambil inisiatif untuk menukarkan 13 akademi polis sebagai tempat tahanan. Phil Robertson, iaitu timbalan pengarah HRW bahagian Asia telah mengkritik hal ini. Menurut beliau, penahanan hanya akan menyebabkan kesesakan dan ini bertentangan dengan matlamat PKP yang ingin memastikan jarak sosial yang selamat. Organisasi tersebut telah mencadangkan supaya kerajaan Malaysia membebaskan tahanan untuk mengelakkan kesesakan. Dalam hal ini, panduan telah dikemukakan dalam menentukan keutamaan pembebasan:

1. Orang yang mempunyai risiko yang tinggi seperti orang tua, orang yang mengandung, orang kurang upaya dan orang yang mempunyai imuniti yang lemah (HIV, penyakit paru-paru, dan lain-lain). Pegawai perubatan perlu memastikan sama ada orang yang telah disenaraikan boleh dilindungi daripada risiko COVID-19 jika mereka kekal dalam penahanan. Pegawai di penjara pula perlu mengambil kira faktor seperti tempoh hukuman penjara, keberatan jenayah dan risiko kepada masyarakat jika penjenayah itu dibebaskan;
2. Orang yang mempunyai tanggungan dan dituduh atau disabitkan kesalahan yang tidak ganas, termasuklah perempuan yang dipenjarakan bersama anaknya, ataupun yang merupakan penjaga utama anak-anak;
3. Orang di mana tempoh penjaranya hampir tamat; dan
4. Orang di mana penahanan lanjut adalah tidak munasabah.

Sebuah protokol yang didrafkan oleh Kamar Peguambela Jenayah di United Kingdom juga telah mencadangkan perkara yang sama iaitu supaya:<sup>23</sup>

1. Orang tahanan dibebaskan dengan lebih awal jika tempoh penjaranya hampir tamat;
2. Orang tahanan yang tidak berbahaya dibebaskan tetapi dikenakan tahanan 24 jam di rumah untuk mengelakkan risiko kepada masyarakat umum.



Menurut protokol tersebut, adalah lebih teruk jika penjara atau lokap menjadi tempat penyebaran wabak COVID-19 dan mereka dilepaskan dengan risiko untuk menjangkiti keluarga dan orang terdekat. Oleh itu, kebanyakan negara di seluruh dunia telahpun mengambil inisiatif untuk mengurangkan orang tahanan di dalam penjara bagi mengelakkan jangkitan berleluasa.

#### PELAKSANAAN PROSIDING REMAN DI MALAYSIA DALAM ERA PANDEMIK COVID-19

Berikutan daripada penularan wabak COVID-19, Malaysia telah memperkenalkan beberapa langkah bagi mengatasi penularan dan penyebaran wabak ini agar tidak menular dan menjangkiti lebih ramai orang. Pada bulan Oktober 2020, terdapat beberapa penularan wabak virus ini dalam kalangan tahanan reman iaitu Kluster Penjara Reman di Pulau Pinang, Kluster Tembok Gajah di Kluang, Johor dan Kluster Penjara Jawi di Seberang Perai telah mencetuskan keadaan yang panik berikutan daripada peningkatan bilangan pesakit yang dijangkiti dengan wabak tersebut.

ada 1 April 2020, Majlis Peguam Malaysia telah membuat satu sebaran 085/2020 setelah diperintahkan oleh YAA Tan Sri Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara memaklumkan bahawa beliau bersetuju dengan permohonan untuk mendengar permohonan reman sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) didengar di balai polis seluruh Malaysia. Namun begitu, permohonan reman yang dibuat di balai polis seluruh Malaysia perulah dibuat pemakluman awal kepada Mahkamah yang berkenaan bagi memastikan bahawa keselamatan pegawai dan kakitangan Mahkamah dan jika ada, peguam yang mewakili Orang Yang Disiasat (OYDS) ini terjamin. Hak OYDS untuk diwakili peguam adalah tidak dinafikan namun perlulah mematuhi Garis Panduan Pengurusan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa.<sup>24</sup> Permohonan ini dibenarkan kerana untuk mengelakkan berlakunya keadaan sesak di Mahkamah dan juga bagi mengurangkan risiko transmisi penyakit berbahaya iaitu COVID-19 selain daripada meneruskan tugas-tugas perundangan dalam keadaan pelaksanaan PKP yang ketat.<sup>25</sup> Mahkamah juga telah membenarkan prosiding reman untuk dijalankan secara maya.<sup>26</sup>

Pada 8 Oktober 2020, Menteri Kanan Pertahanan, pada ketika itu telah mengeluarkan kenyataan yang

mewajibkan kesemua banduan dan tahanan reman untuk menjalani pemeriksaan saringan COVID-19 sebelum dimasukkan ke dalam penjara. Bagi penerimaan banduan, saringan COVID-19 dilakukan kepada banduan yang dikuarantin sebaik masuk penjara, manakala banduan bergejala semasa tempoh kuarantin akan dirujuk ke hospital dan saringan kedua akan dilakukan pada hari ke-13. Setelah selesai tempoh kuarantin, banduan dan tahanan yang negatif akan dipindahkan ke blok penempatan kekal di pusat tahanan reman dan penjara serta diasingkan daripada tahanan yang sedia ada.<sup>27</sup> Jabatan Penjara Malaysia juga telah menyediakan dan memperkemaskan prosedur operasi standard (SOP) penjara berkaitan COVID-19. Antaranya ialah:

1. Pelan Kontingensi Tatacara Mencegah dan Bertindak dalam Menghadapi Penularan Wabak COVID-19 Dalam Penjara;
2. SOP Penerimaan Banduan Semasa COVID-19; dan
3. SOP Pengiringan Banduan Semasa COVID-19.

Bagi mengurangkan tahap kebolehhajangan COVID-19 dan mengurangkan kesesakan, Jabatan Penjara Malaysia turut mengambil langkah untuk menempatkan banduan sabitan dan reman kategori risiko keselamatan minimum di beberapa kem PLKN yang diwartakan sebagai penjara sementara di bawah seksyen 3 Akta Penjara 1995 dan berfungsi sebagai *admission prison*.

Di samping itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran Bil. 12/2020 mengenai Garis Panduan Pengendalian Tahanan semasa Penularan COVID-19 bertarikh 1 April 2020 dan Arahan Pentadbiran Bil. 23/2020 bertarikh 16 Julai 2020 mengenai Garis Panduan Pengendalian Tahanan Pasca COVID-19. Garis panduan ini bertujuan untuk memberi garis panduan terutamanya kepada semua pegawai penjaga lokap, timbalan pegawai penjaga lokap, penyelia dan pengawal lokap berhubung pengendalian tahanan di lokap semasa penularan wabak COVID-19.

Tambahan itu, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mewujudkan pangkalan bagi urusan perawatan banduan dan tahanan di kawasan yang berhampiran dengan pusat tahanan reman dan penjara. Segala aktiviti lawatan daripada keluarga banduan dan tahanan adalah dibatalkan secara serta merta dan proses sanitasi dijalankan di luar dan dalam penjara sebanyak dua kali sehari. Peralatan seperti pelitup muka dan *'hand*

*sanitizer*’ juga disediakan dalam kawasan penjara bagi mengelakkan berlakunya penyebaran virus ini kepada banduan dan tahanan lain.<sup>28</sup>

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah mengeluarkan garis panduan berkaitan tindakan pencegahan, kawasan *infection* dan penggunaan Peralatan Perlindungan Diri (PPE) di fasiliti lokap. Garis panduan ini digunakan oleh pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), serta pesalah-pesalah kerana mereka juga mempunyai hak untuk dilindungi daripada jangkitan semasa dalam tahanan. Arahan telah dikeluarkan bagi memastikan keselamatan dan perlindungan orang kena tahan (OKT) bagi kes sama ada kedudukan mereka di lokap atau perjalanan mereka untuk pertuduhan atau perbicaraan di mahkamah. Penggunaan gari berantai adalah dipastikan jarak pesalah antara satu dengan yang lain tidak kurang daripada satu meter. Jika keadaan tidak mendesak, penggunaan gari berantai akan dielakkan. Selain itu, penggunaan pelitup muka dan pembasmi kuman adalah dititikberatkan ke atas semua OKT. Terkini, PDRM telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran Bil. 31/2020 mengenai Garis Panduan Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit COVID-19 di Lokap Polis Diraja Malaysia di dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di mana sebanyak 182 lokap telah dijadikan lokap transit daripada 755 lokap di seluruh negara bagi tujuan saringan untuk setiap daerah. Sehubungan itu, dengan adanya SOP berkaitan, OKT yang berisiko tinggi dapat dikenal pasti daripada peringkat awal lagi dan akan diasingkan serta tidak akan bercampur dengan OKT yang lain.

#### PELAKSANAAN PROSIDING REMAN DI INDIA DALAM ERA PANDEMIK COVID-19

Berikutan kes penyakit COVID-19 yang membimbangkan di India, kerajaan India telah memperkenalkan beberapa langkah keselamatan bagi menghalang penularan penyakit ini kepada tahanan. Sebagai contoh, kerajaan negeri Bhubaneswar telah menyemak semula rancangan pengurusan penjara dan mengeluarkan prosedur baharu yang harus diikuti setelah penangkapan seseorang yang dituduh. Kerajaan negeri tersebut telah mewajibkan pihak polis untuk menjalankan ujian saringan terhadap seseorang yang diremankan sebelum dimasukkan dalam penjara. Oleh kerana seksyen 167 Kanun Tatacara Jenayah India (CrPC) menghalang pihak polis untuk menahan seseorang melebihi 24 jam, pihak polis adalah dinasihati untuk

mengadakan ujian saringan RAT (*Rapid Antigen Test*) terhadap tertuduh disebabkan keputusan ujian saringan tersebut boleh didapatkan pada masa yang singkat.<sup>29</sup>

Dalam hal ini, kerajaan negeri tersebut turut mengarahkan tertuduh atau tahanan yang dikenal pasti sebagai positif COVID-19 untuk dimasukkan ke hospital dan mereka akan dikembalikan ke penjara setelah pemulihannya manakala bagi tertuduh yang dikenal pasti sebagai negatif akan dimasukkan ke penjara serta-merta dan ditempatkan di wad secara berasingan. Selain itu, pegawai polis adalah diwajibkan untuk memakai bahan-bahan pelindung diri seperti sarung tangan dan pelitup muka sepanjang terlibat dalam proses penahanan seseorang tertuduh. Kerajaan negeri Bhubaneswar turut menyediakan sistem *e-mulakat* bagi membolehkan para pelawat untuk berjumpa dengan tahanan secara talian.<sup>30</sup>

Seterusnya, dalam negeri Tamil Nadu pula, Mahkamah Tinggi Madras mengarahkan pihak polis yang memohon perintah reman untuk mengadakan perjumpaan dengan seseorang Majistret secara talian untuk mengelakkan penyebaran virus COVID-19. Selain itu, Mahkamah Tinggi juga mengarah kesemua tertuduh yang ditahan di bawah kesalahan yang boleh dijamin untuk dibebaskan atas jaminan. Dalam hal ini, sekiranya pihak polis menahan seseorang bagi kesalahan yang tidak boleh dijamin dan memohon perintah reman kepada Majistret, pihak polis adalah bertanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah keselamatan termasuklah ujian saringan sebelum permohonan dilakukan.<sup>31</sup> Pendekatan yang sama juga diikuti dalam Mahkamah Tinggi dalam negeri Karnataka di mana Mahkamah Tinggi mengarahkan pihak polis untuk membawa seseorang tertuduh untuk di hadapan seseorang Majistret dalam kes-kes tertentu.<sup>32</sup>

Seterusnya, sebagai langkah pencegahan COVID-19, kerajaan India turut menetapkan prosedur operasi standard (SOP) yang harus diikuti oleh kakitangan penjara. Dalam hal ini, anggota kakitangan penjara terutamanya yang dalam bahagian jagaan dan kesihatan adalah diharuskan untuk mempunyai pengetahuan asas mengenai penyakit COVID-19 serta pengetahuan mengenai cara menguruskan tahanan yang disyaki menghidap penyakit tersebut. Kakitangan penjara juga diwajibkan untuk menandatangani deklarasi yang menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai simptom penyakit tersebut sebelum memasuki premis penjara. Kerajaan India turut menegaskan bahawa kakitangan penjara yang bertugas untuk

mengelakkan dirinya daripada melancong ke negara lain bagi mengelakkan penyakit COVID-19 tersebar dalam premis penjara.<sup>33</sup>

Selain itu, sebagai langkah untuk pencegahan COVID-19 terutamanya dalam penjara, negara India turut mengambil langkah proaktif untuk menjalankan program 'pre-trial detainess' iaitu membebaskan orang yang ditahankan atas kesalahan yang ringan atau kesalahan yang tidak melibatkan keganasan. Program pembebasan tahanan pra-perbicaraan ini merupakan antara langkah pencegahan covid-19 yang mampu mengurangkan kesesakan tahanan dalam penjara. Dalam hal ini, langkah kerajaan India ini turut diikuti dalam negara Libya dan Nigeria sebagai langkah pencegahan COVID-19.<sup>34</sup>

#### PERBANDINGAN PELAKSANAAN PROSIDING REMAN ANTARA MALAYSIA DENGAN INDIA DALAM ERA PANDEMIK COVID-19

Apabila membandingkan pelaksanaan prosiding reman di Malaysia dengan pelaksanaan prosiding reman di India dalam era pandemik COVID-19, terdapat beberapa persamaan dan perbezaan dalam langkah-langkah yang diambil oleh kedua-dua negara ini dalam melaksanakan prosiding reman sewaktu pandemik COVID-19. Kedua-dua negara ini telah melaksanakan prosedur baharu semenjak penularan wabak COVID-19 ini. Di Malaysia khususnya, pemeriksaan saringan akan dijalankan terhadap kesemua banduan dan tahanan reman sebelum dimasukkan ke penjara dan seterusnya, dikuarantin selama 14 hari setelah memasuki penjara.<sup>35</sup> Beberapa garis panduan berkenaan prosedur operasi standard juga telah diperkenalkan di Malaysia untuk mempermudah lagi implementasi prosedur tersebut di seluruh negara. Perkara ini turut dilaksanakan di India apabila pemeriksaan saringan diwajibkan bagi banduan dan tahanan reman. Sebagai tambahan, ujian saringan *Rapid Antigen Test* (RAT) telah diperkenalkan untuk mendapatkan keputusan dalam masa secepat mungkin memandangkan tahanan reman tidak boleh melebihi 24 jam.<sup>36</sup>

Ekoran penularan wabak COVID-19, Malaysia telah mengambil langkah untuk membenarkan pendengaran reman dilakukan di balai polis di seluruh negara.<sup>37</sup> Keputusan yang diambil oleh YAA Tan Sri Tengku Maimun ini adalah satu langkah dalam menjaga keselamatan pihak-pihak yang terlibat dalam pendengaran reman iaitu pegawai dan kakitangan mahkamah serta peguamcara yang

mewakili OYDS. Sebaliknya di India, Mahkamah Tinggi Karnataka telah mengambil satu inisiatif lebih besar dengan menubuhkan *Dedicated Remand Court* (DRC) khas untuk menghadapkan tertuduh di hadapan Majistret.<sup>38</sup> Pendekatan ini adalah untuk mengelakkan kompleks mahkamah yang biasa disanitasi dari masa ke semasa dan keperluan untuk kuarantin pegawai dan kakitangan mahkamah sekiranya tahanan reman tersebut adalah positif COVID-19 tidak berlaku.

Keputusan yang dibuat oleh kedua-dua negara ini mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk mengawal penularan wabak COVID-19 tanpa mengabaikan kewajipan perundangan. Hal ini kerana kedua-dua negara masih mengutamakan kepentingan dalam menuruti prosiding reman seperti diperuntukkan dalam seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) dan Seksyen 167 CrPC. Perbezaan yang antara kedua-dua negara dapat dilihat dalam aspek lawatan ke penjara. Malaysia telah memberhentikan lawatan keluarga ke penjara dengan serta-merta manakala di India, lawatan masih dibenarkan dan diteruskan secara atas talian talian iaitu melalui sistem e-mulakat.<sup>39</sup>

Selain itu, mahkamah di India dalam kes *High Court of Karnataka v State of Karnataka*<sup>40</sup> membenarkan tertuduh untuk dihadapkan di mahkamah melalui persidangan video. Walaupun langkah ini diambil ekoran wabak COVID-19, seksyen 167(2)(b) CrPC membenarkan tertuduh untuk dihadapkan melalui video elektronik<sup>41</sup> dalam keadaan yang tidak boleh dielakkan. Memandangkan wabak ini termasuk sebagai keadaan yang tidak boleh dielakkan, pemakaian seksyen ini adalah wajar. Sebaliknya di Malaysia, seksyen 117(1) KTJ hanya menyatakan bahawa tertuduh harus dihadapkan di depan Majistret. Seksyen tersebut tidak menyatakan cara penghadapan tertuduh. Oleh itu, ia adalah selamat untuk membuat andaian bahawa prosiding secara atas talian adalah turut diterima. Hal ini boleh dilihat dalam keputusan Mahkamah Malaysia yang membenarkan prosiding reman untuk dijalankan secara maya.<sup>42</sup>

Tun Salleh Abas dalam kes *Lim Kit Siang v Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad* telah menyatakan bahawa badan kehakiman mempunyai obligasi untuk melindungi dan menjalankan tugasnya menurut Perlembagaan.<sup>43</sup> Ketua Hakim Negara India iaitu PN Bhagwati juga telah menekankan dalam penulisannya, *Human Rights in the Criminal Justice System*, bahawa badan kehakiman telah diberikan satu tanggungjawab untuk memastikan satu pembahagian antara hak kebebasan individu

dan kepentingan awam diwujudkan tanpa terlalu menekankan satu perkara yang merugikan satu yang lain.<sup>44</sup>

Walaupun pandemik COVID-19 ini membawa impak yang sangat besar, analisis perbandingan ini mendapati bahawa badan kehakiman di kedua-dua negara telah menjalankan tugas mereka dengan baik dan proaktif. Hak kebebasan individu tahanan reman telah dijaga dengan memastikan mereka dihadapkan di mahkamah dalam tempoh 24 jam, samada secara fizikal atau maya, dan ujian saringan juga dilakukan menurut SOP untuk menjamin kesihatan mereka. Pada masa yang sama, kepentingan awam juga telah diutamakan dengan menuruti prosiding reman seperti diperuntukkan dalam seksyen 117 KTJ dan seksyen 167 CrPC tanpa mengabaikan keseriusan wabak COVID-19. Namun begitu, Malaysia masih memerlukan beberapa penambahbaikan dalam aspek-aspek tertentu yang boleh dicontohi daripada negara India dan negara-negara lain.

#### CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN PROSIDING REMAN DALAM ERA PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA

Menurut Majlis Keselamatan Negara (MKN), terdapat arahan larangan yang terkandung dalam Perintah Kawalan Pergerakan yang meliputi larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya; sekatan menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara; sekatan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara; penutupan semua Taska, Sekolah Kerajaan dan swasta dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah dan pra-universiti; penutupan semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta serta Institut Latihan Kemahiran di seluruh negara; dan penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara (*essential services*). Langkah-langkah ini dilihat wajar bagi mengekang penularan Covid-19. Justeru, bahagian ini mengupas beberapa cadangan penambahbaikan agar penularan Covid-19 dapat ditangani khususnya dalam konteks pelaksanaan prosiding reman.

Cadangan penambahbaikan adalah penting untuk mengelakkan perhimpunan ramai. Antara cadangan yang akan dibincangkan bagi mencapai matlamat di atas adalah dengan menjalankan perjumpaan secara maya serta mengelakkan penahanan bagi kes tidak serius dan memfokuskan

pembebasan tahanan. Protokol di bawah ‘Norma Baharu’ yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara pada 15 Disember 2020 juga perlu dipatuhi iaitu pemakaian pelitup muka; dan pemeriksaan suhu badan.<sup>45</sup> Maka, pemakaian pelitup muka serta ujian saringan diwajibkan ke atas tahanan.

Antara cadangan bagi penambahbaikan pelaksanaan prosiding reman di Malaysia dalam era pandemik COVID-19 adalah seperti berikut:

#### MEMASTIKAN PENGUATKUASAAN PERJUMPAAN SECARA MAYA (VIDEO)

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, Malaysia telahpun mengambil inisiatif untuk mengurangkan kesesakan di mahkamah dengan mendengar perintah reman di balai polis seluruh Malaysia. Sepanjang perjumpaan berlangsung, adalah diarahkan supaya Garis Panduan Pengurusan COVID-19 sentiasa dipatuhi. Selain itu, mahkamah juga telah mempraktikkan perjumpaan secara maya di mana mahkamah telah membenarkan prosiding reman dilaksanakan melalui video.

Hal ini turut dilaksanakan oleh mahkamah di India, di mana perjumpaan bagi permohonan perintah reman diadakan secara dalam talian. India, walaubagaimanapun, telah mengambil inisiatif yang lebih besar iaitu dengan menubuhkan *Dedicated Remand Court* (DRC) khas untuk menghadapkan tertuduh di depan Majistret. Maka, adalah dicadangkan kepada kerajaan Malaysia untuk menubuhkan perkara yang sama bagi memastikan pelaksanaan prosiding secara maya dijalankan dengan lebih efisien dan terurus.

Malaysia melarang lawatan keluarga ke penjara sebaliknya di India, lawatan masih diteruskan dalam talian iaitu melalui sistem *e-mulakat*. Alternatif yang diambil oleh negara India patut dicontohi oleh kerajaan Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana ia adalah tidak wajar untuk melarang lawatan kerana sokongan daripada keluarga dapat membantu seseorang tahanan dalam proses pemulihan.

#### MEMASTIKAN PENGUATKUASAAN UJIAN SARINGAN COVID-19 BAGI TAHANAN REMAN

Pada 8 Oktober 2020, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan ke atas banduan baharu dan tahanan reman di mana mereka diletakkan di bawah Garis Panduan Pengurusan ataupun Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat. Perkara ini telah ditetapkan selepas mesyuarat Perdana Menteri bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN).



Ujian saringan boleh dilaksanakan seperti berikut:

1. Setiap orang hendaklah disaring oleh orang yang dilatih atau pembantu jururawat yang dilengkapi dengan PPE (pelitup muka, pelindung muka dan sarung tangan).
2. Sesiapa dengan suhu badan 37.5°C atau lebih tidak dibenarkan untuk masuk ke balai polis atau pusat tahanan dan perlu menjalani pengukuran suhu badan semula. Sekiranya pengukuran semula suhu badan masih 37.5°C atau lebih, laporan perlulah dibuat kepada pegawai polis atau pegawai perubatan yang bertugas untuk tindakan selanjutnya bagi proses pemulihan.
3. Sesiapa yang disaring dan mempunyai gejala COVID-19 tidak dibenarkan untuk ditahan dan perlu dilaporkan kepada pegawai polis untuk tindakan selanjutnya.

Di India, prosedur di atas telah dipraktikkan dan pemeriksaan saringan dijalankan ke atas tahanan reman sebelum dimasukkan ke dalam penjara. Mereka kemudiannya dikuarantin selama 14 hari. Tahanan yang disahkan positif dihantar ke hospital dan akan dikembalikan ke penjara setelah pulih manakala tahanan yang disahkan negatif dimasukkan ke dalam penjara serta-merta. Pegawai polis juga diwajibkan untuk memakai bahan pelindung diri iaitu sarung tangan dan pelitup muka. Selain itu, pertemuan secara talian ditubuhkan bagi membolehkan para pelawat berjumpa tanpa bersemuka. Dalam hal ini, setiap balai polis perlulah ada pegawai perubatan yang bertugas bagi menjalankan ujian saringan ini kepada setiap tertuduh sebelum memasuki tahanan.

#### MENGELAKKAN PENAHANAN BAGI KES REMEH DAN MEMFOKUSKAN PEMBEBASAN

Penulis mencadangkan supaya kerajaan Malaysia membebaskan tahanan untuk mengurangkan kesesakan dalam lokap atau penjara dengan menggunakan panduan yang diutarakan oleh HRW. Selain itu, kerajaan Malaysia juga perlu mengurangkan penahanan bagi hal remeh seperti pelanggaran PKP ataupun SOP. Hal yang disebut seharusnya dikenakan denda sahaja supaya dapat mengelakkan kesesakan dalam lokap atau penjara.

Orang yang berada di dalam tahanan menghadapi risiko yang tinggi untuk dijangkiti dengan wabak COVID-19 oleh kerana kesesakan dan suasana yang tidak bersih. Ia adalah sedia maklum bahawa kebersihan merupakan aspek yang sangat penting dalam mengurangkan jangkitan

risiko COVID-19.<sup>46</sup> Namun, aspek ini kurang diberi penekanan terutamanya di kawasan seperti penjara dan lokap. Selain itu, orang dalam tahanan juga menghadapi risiko terhadap keganasan oleh kerana kurangnya orang yang bertugas disebabkan norma baharu pekerjaan.<sup>47</sup>

#### MELEPASKAN TAHANAN DENGAN JAMINAN

Jaminan ini adalah satu sekuriti dalam bentuk wang oleh individu yang akan menjamin kehadiran tertuduh ke mahkamah sepanjang proses prosiding di mahkamah sehinggalah keputusan diperolehi. Terdapat dua jenis jaminan iaitu jaminan oleh mahkamah dan jaminan oleh polis. Jaminan oleh mahkamah adalah apabila prosiding mahkamah bermula. Nilai bergantung kepada budi bicara mahkamah bergantung kepada jenis kesalahan, kerugian mangsa yang terlibat dan lain-lain. Jaminan polis ini bermakna jaminan yang diberikan oleh pihak polis bagi memastikan kehadiran orang yang disiasat hadir memberikan kerjasama dan hadir pada tarikh pertuduhan di mahkamah.

Oleh itu, adalah dicadangkan kepada Mahkamah Malaysia untuk membebaskan tahanan reman dengan jaminan bagi mengurangkan kesesakan dan risiko keberjangkitan. Hal ini sebenarnya telahpun dicadangkan oleh Majlis Peguam Malaysia di mana mereka menyarankan supaya pihak berkuasa mempertimbangkan untuk membebaskan tahanan yang dipenjarakan atas kesalahan yang kurang serius dengan jaminan, terutamanya dalam kalangan yang berisiko tinggi untuk dijangkiti COVID-19. Dalam menetapkan jumlah jaminan, Majlis Peguam Malaysia menasihatkan supaya jaminan mengambil kira kemampuan tertuduh. Jika jumlah terlalu tinggi, tertuduh mungkin akan memilih untuk direman dalam penjara daripada membayar jumlah jaminan. Perkara ini perlulah dielakkan kerana tidak bertepatan dengan matlamat untuk mengurangkan tahanan.

#### KESIMPULAN

Kesimpulannya, penularan wabak COVID-19 ini sememangnya telah memberi cabaran kepada pihak berkuasa dalam melaksanakan prosiding reman. Langkah-langkah penambahbaikan pelaksanaan prosiding reman sewaktu pandemik COVID-19 dapat dilihat di Malaysia telah membenarkan pendengaran permohonan reman untuk dijalankan di balai polis bagi mengurangkan risiko penyebaran COVID-19. Susulan penularan kluster-kluster di penjara-

penjara pada bulan Oktober 2020, Malaysia juga telah mengambil perhatian dengan melaksanakan prosedur operasi standard bagi mengelakkan penyebaran COVID-19 kepada tahanan-tahanan yang lain. Langkah-langkah penambahbaikan pelaksanaan prosiding reman sewaktu pandemik COVID-19 juga telah diambil oleh kerajaan di negara India.

Analisis perbandingan pelaksanaan prosiding reman antara negara Malaysia dengan negara India telah menunjukkan bahawa kedua-dua negara ini mempunyai persamaan dan perbezaan dalam langkah-langkah yang diambil untuk melaksanakan prosiding reman sewaktu pandemik COVID-19. Dengan keadaan pandemik COVID-19 yang semakin membimbangkan dan belum nampak lagi bila pengakhirannya, pelaksanaan prosiding reman dalam era pandemik COVID-19 yang diamalkan oleh Malaysia buat masa sekarang masih mempunyai kekurangan yang perlu ditambahbaik. Dalam hal ini, beberapa langkah yang diambil oleh negara India dalam menguruskan prosiding reman dan tahanan reman pada masa penularan wabak COVID-19 boleh dirujuk dan dijadikan panduan oleh kerajaan Malaysia. Misalnya, kerajaan Malaysia boleh menubuhkan satu mahkamah reman yang khas untuk menghadapi tertuduh di depan Majistret, membenarkan tertuduh yang ditahan di bawah kesalahan boleh jamin untuk dijamin keluar dan membenarkan lawatan ahli keluarga tetapi dengan menggunakan medium secara dalam talian. Selain ikhtibar-ikhtibar yang boleh diambil dengan rujukan kepada pelaksanaan prosiding reman yang diamalkan di negara India, pada masa yang sama, artikel ini turut mengemukakan cadangan-cadangan lain bagi penambahbaikan pelaksanaan prosiding reman di Malaysia dalam era COVID-19. Cadangan penambahbaikan ini berupaya membantu pelaksanaan prosiding reman di Malaysia menjadi lebih mantap dan teratur seterusnya risiko penyebaran wabak COVID-19 dalam kalangan tahanan reman dapat dikurangkan.

#### PENGHARGAAN

Penyempurnaan penulisan ini adalah hasil kerjasama dengan beberapa penyumbang lain iaitu Brabakaran a/l Linggam, Hafiq bin Muhamad, Kanimoli Ammaal a/p Subramaniam. Penghargaan turut diberikan kepada Dr Muhamad Helmi Md. Said selaku penyelaras kursus Tatacara Jenayah 1 (UUUK 4033).

#### NOTA

- <sup>1</sup> Ain Umaira Md Shah et al, 'COVID-19 outbreak in Malaysia: Actions taken by the Malaysian government', (2020) 97 *International Journal of Infectious Diseases*, hlm 108.
- <sup>2</sup> Kementerian Kesihatan Malaysia, <https://covid-19.moh.gov.my/terkini> [26 Julai 2021].
- <sup>3</sup> Government of India, <https://www.mygov.in/covid-19> [26 Julai 2021].
- <sup>4</sup> World Health Organization, 'Coronavirus disease [COVID-19]: How is it transmitted?', <https://www.who.int/news-room/q-a-detail/coronavirus-disease-covid-19-how-is-it-transmitted> [10 Januari 2021].
- <sup>5</sup> J. J. Amon, 'COVID-19 and detention: Respecting human rights', *Health and Human Rights Journal* 22(1), 2020, hlm 367.
- <sup>6</sup> S. C. Newbold, D. Finnoff, L. Thunström, M. Ashworth & J. F. Shogren, 'Effects of physical distancing to control COVID-19 on public health, the economy, and the environment', (2020), 76(4) *Environmental and Resource Economic*, hlm 705.
- <sup>7</sup> D. Trivedi, 'Prisons become breeding grounds for the coronavirus', *Frontline – India's National Magazine*, 28 August 2020, <https://frontline.thehindu.com/the-nation/tinderbox-prisons/article32296969.ece> [9 Januari 2021].
- <sup>8</sup> Anon, 'Kluster Penjara Reman, 7 positif rakan satu sel', *Berita Harian*, 10 Oktober 2020, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/740393/kluster-penjara-reman-7-positif-rakan-satu-sel> [4 Disember 2020].
- <sup>9</sup> Parlimen Malaysia, *Penyata Rasmi Parlimen Kamar Khas, Parlimen Keempat Belas Penggal Ketiga Mesyuarat Ketiga, Bil 44, 3 Disember 2020, Seksyen Penyata Rasmi Parlimen Malaysia*.
- <sup>10</sup> T. Skolnik, 'Criminal law during [and after] COVID-19', (2020) 43(4) *Manitoba Law Journal*, hlm 165.
- <sup>11</sup> H. Ouassou, L. Kharchoufa, M. Bouhrim, N. E. Daoudi, H. Imtara, N. Bencheikh, A. Elbouzidi & M. Bnouham, 'The pathogenesis of Coronavirus Disease 2019 [COVID-19]: Evaluation and prevention', (2020) *Journal of Immunology Research*, hlm 2.
- <sup>12</sup> Yi-Chi Wu, Ching-Sung Chen & Yu-Jiun Chan, 'The outbreak of COVID-19: An overview', (2020) 83(3) *Journal of the Chinese Medical Association*, hlm 219.
- <sup>13</sup> A. Elengoe, 'COVID-19 outbreak in Malaysia', (2020) 11(3) *Osong Public Health and Research Perspectives*, hlm 93.
- <sup>14</sup> T. Skolnik, 'Criminal law during [and after] COVID-19', hlm 156.
- <sup>15</sup> T. Skolnik, 'Criminal law during [and after] COVID-19', hlm 167.
- <sup>16</sup> S. Enggist, L. Moller, G. Galea & C. Udesen, *Prison and Health, Regional Office for Europe of the World Health Organization, Denmark, 2014*, hlm xi.
- <sup>17</sup> S. Enggist at al, *Prison and Health*, hlm 3.
- <sup>18</sup> A. Moscrop, C. Dromer, E. Leclerc & G. Yiehdego, *Penjagaan Kesihatan Dalam Tahanan: Panduan Praktikal, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah [ICRC], Kuala Lumpur, Edisi ke-2, 2017*, hlm 13.
- <sup>19</sup> Parlimen Malaysia, *Penyata Rasmi Parlimen Kamar Khas, Parlimen Keempat Belas Penggal Ketiga Mesyuarat Ketiga, Bil 44, 3 Disember 2020, Seksyen Penyata Rasmi Parlimen Malaysia*.

- <sup>20</sup> Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia [SUHAKAM], Hak kesihatan di dalam penjara, 2013, <https://www.suhakam.org.my/ms/right-to-health-in-prison/> [25 Disember 2020].
- <sup>21</sup> Parlimen Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen Kamar Khas, Parlimen Keempat Belas Penggal Ketiga Mesyuarat Ketiga, Bil 44, 3 Disember 2020, Seksyen Penyata Rasmi Parlimen Malaysia.
- <sup>22</sup> Anon, 'Malaysia: Stop jailing Covid-19 lockdown violators', Human Rights Watch, 26 April 2020, <https://www.hrw.org/news/2020/04/26/malaysia-stop-jailing-covid-19-lockdown-violators> [23 Disember 2020].
- <sup>23</sup> L. Wibberley, V. Meads, P. Roche & Monteith, K.Q.C, 'Coronavrius – Bail and custody time limits protocol for protecting the rights and lives of prisoners and their families', Garden Court Chambers, 24 Mac 2020, <https://www.gardencourtchambers.co.uk/news/coronavirus-bail-and-custody-time-limits-protocol-for-protecting-the-rights-and-lives-of-prisoners-and-their-families> [23 Disember 2020].
- <sup>24</sup> Majlis Peguam Malaysia, 'Remand Applications during the Movement Control Order', Circular No. 085/2020, 1 April 2020, [https://www.malaysianbar.org.my/cms/upload\\_files/document/Circular%20No%20085-2020.pdf](https://www.malaysianbar.org.my/cms/upload_files/document/Circular%20No%20085-2020.pdf) [23 Disember 2020].
- <sup>25</sup> Hafiz Yatim, 'Chief Justice allows MCO remand proceedings to be done at police stations', The Edge Markets, 1 April 2020, <https://www.theedgemarkets.com/article/chief-justice-allows-mco-remand-proceedings-be-done-police-stations> [22 Disember 2020].
- <sup>26</sup> Kuala Lumpur Bar, 'COVID-19 Positive Cases in Jinjang Remand Centre', Circular No. 131/2020, 26 Oktober 2020, <https://www.klbar.org.my/covid-19-positive-cases-jinjang-remand-centre/> [23 Disember 2020].
- <sup>27</sup> Rafidah Mat Ruzki, 'COVID-19: SOP baharu pengurusan banduan, tahanan reman', Berita Harian, 8 Oktober 2020, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/739806/covid-19-sop-baharu-pengurusan-banduan-tahanan-reman> [24 Disember 2020].
- <sup>28</sup> Rafidah Mat Ruzki, 'COVID-19: SOP baharu pengurusan banduan, tahanan reman'.
- <sup>29</sup> M. Debabrata, 'Testing must before judicial remand of accused: Govt', The Times of India, 3 September 2020, <https://timesofindia.indiatimes.com/city/bhubaneswar/testing-must-before-judicial-remand-of-accused-govt/articleshow/77897650.cms> [21 Disember 2020].
- <sup>30</sup> M. Debabrata, 'Testing must before judicial remand of accused: Govt.'
- <sup>31</sup> Anon, 'DGP issues new arrest and remand guidelines', The Hindu, 25 June 2020, <https://www.thehindu.com/news/national/tamil-nadu/dgp-issues-new-guidelines/article31910163.ece> [20 Disember 2020].
- <sup>32</sup> G. Thote, 'Remand to police custody via video conferencing: An analysis', LatestLaws.com, 24 Jun 2020. [https://www.latestlaws.com/articles/remand-to-police-custody-via-video-conferencing-an-analysis/#\\_edn3](https://www.latestlaws.com/articles/remand-to-police-custody-via-video-conferencing-an-analysis/#_edn3) [21 Disember 2020].
- <sup>33</sup> H. Bhagtani, 'Indian prisons: A reality check in the times of pandemic', SSRN, 2020, [https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract\\_id=3630737](https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=3630737) [21 Disember 2020].
- <sup>34</sup> L Jones & O. Tulloch, 'COVID-19: Why are prisons a particular risk, and what can be done to mitigate this?' SSHAP, 2020, <https://www.socialscienceinaction.org/resources/covid-19-prisons-particular-risk-can-be-done-mitigate/> [21 Disember 2020].
- <sup>35</sup> Rafidah Mat Ruzki, 'COVID-19: SOP baharu pengurusan banduan, tahanan reman', 2020.
- <sup>36</sup> M. Debabrata, 'Testing must before judicial remand of accused: Govt.'
- <sup>37</sup> Hafiz Yatim, 'Chief Justice allows MCO remand proceedings to be done at police stations', The Edge Markets, 1 April 2020, <https://www.theedgemarkets.com/article/chief-justice-allows-mco-remand-proceedings-be-done-police-stations> [22 Disember 2020].
- <sup>38</sup> Anon, 'Dedicated remand court set up to serve during pandemic in Karnataka', The Hindu, 5 July 2020, <https://www.thehindu.com/news/national/karnataka/dedicated-remand-court-set-up-to-serve-during-pandemic-in-karnataka/article31995853.ece> [22 Disember 2020].
- <sup>39</sup> M. Debabrata, 'Odisha: 'Covid-19 test must before judicial remand of accused'', The Times of India, 3 September 2020, <https://timesofindia.indiatimes.com/city/bhubaneswar/covid-19-test-must-before-judicial-remand-of-accused/articleshow/77908332.cms> [22 Disember 2020].
- <sup>40</sup> 2020 SCC OnLine Kar 556.
- <sup>41</sup> Seksyen 167(2)(b) Code of Criminal Procedure 1973.
- <sup>42</sup> Kuala Lumpur Bar, 'COVID-19 Positive Cases in Jinjang Remand Centre', 2020.
- <sup>43</sup> [1987] 1 MLJ 383.
- <sup>44</sup> J. Gomez, 'Police powers and remand proceedings', (2003) 2 Malayan Law Journal Articles, hlm cxxix.
- <sup>45</sup> Majlis Keselamatan Negara, 'Norma Bahru', 15 Disember 2020, [http://covid-19.moh.gov.my/faqsop/sop-perintah-kawalan-pergerakan-ppk/SOP-Norma-Baharu\\_-Dikemaskini-pada-15-Disember-2020.pdf](http://covid-19.moh.gov.my/faqsop/sop-perintah-kawalan-pergerakan-ppk/SOP-Norma-Baharu_-Dikemaskini-pada-15-Disember-2020.pdf) [24 Disember 2020].
- <sup>46</sup> S. Sehrawat & B. T. Rouse, 'Does the hygiene hypothesis apply to COVID-19 susceptibility?', (2020) 22(9) *Micorbes and Infection*, hlm 400.
- <sup>47</sup> T. Skolnik, 'Criminal law during [and after] COVID-19', (2020) 43 [4] *Manitoba Law Journal*, hlm 172.

## RUJUKAN

- Ain Umaira Md Shah, Syafiqah Nur Azrie Safri, Rathedevi Thevadas, Nor Kamariah Noordin, Azmawani Abd Rahman, Zamberi Sekawi, Aini Ideris & Mohamed Thariq Hameed Sultan. 2020. COVID-19 outbreak in Malaysia: Actions taken by the Malaysian government. *International Journal of Infectious Diseases* 97: 108-116.
- Amon, J. J. 2020. COVID-19 and detention: Respecting human rights. *Health and Human Rights Journal* 22 (1): 367-370.
- Anon. 2020. Dedicated remand court set up to serve during a pandemic in Karnataka. *The Hindu*. 5 Julai. <https://www.thehindu.com/news/national/karnataka/dedicated-remand-court-set-up-to-serve-during-pandemic-in-karnataka/article31995853.ece> [22 Disember 2020].
- Anon. 2020. Kluster penjara reman, 7 positif rakan satu sel. *Berita Harian*. 10 Oktober. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/740393/kluster-penjara-reman-7-positif-rakan-satu-sel> [4 Disember 2020].
- Anon. 2020. DGP issues new arrest and remand guidelines. *The Hindu*. 25 Jun. <https://www.thehindu.com/news/national/tamil-nadu/dgp-issues-new-guidelines/article31910163.ece> [20 Disember 2020].



- Anon. 2020. Malaysia: Stop jailing Covid-19 lockdown violators. *Human Rights Watch*. 26 April. <https://www.hrw.org/news/2020/04/26/malaysia-stop-jailing-covid-19-lockdown-violators> [23 Disember 2020].
- Bhagtani, H. 2020. Indian prisons: A reality check in the times of pandemic. *SSRN*. [https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract\\_id=3630737](https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=3630737) [23 Disember 2020].
- Debabrata, M. 2020. Odisha: Covid-19 test must before judicial remand of accused. *The Times of India*. 3 September. <https://timesofindia.indiatimes.com/city/bhubaneswar/covid-19-test-must-before-judicial-remand-of-accused/articleshow/77908332.cms> [22 Disember 2020].
- Debabrata, M. 2020. Testing must before judicial remand of accused: Govt. *The Times of India*. 3 September. <https://timesofindia.indiatimes.com/city/bhubaneswar/testing-must-before-judicial-remand-of-accused-govt/articleshow/77897650.cms> [21 Disember 2020].
- Elengoe, A. 2020. COVID-19 outbreak in Malaysia. *Osong Public Health and Research Perspectives* 11 (3): 93-100.
- Enggist, S., Moller, L., Galea, G. & Udesen, C. 2014. *Prison and Health*. Denmark: Regional Office for Europe of the World Health Organization.
- Gomez, J. 2003. Police powers and remand proceedings. *Malayan Law Journal Articles 2*: cxxix.
- Hafiz Yatim. 1 April 2020. Chief Justice allows MCO remand proceedings to be done at police stations. *The Edge Markets*. <https://www.theedgemarkets.com/article/chief-justice-allows-mco-remand-proceedings-be-done-police-stations> [22 Disember 2020].
- High Court of Karnataka v State of Karnataka 2020 SCC OnLine Kar 556.
- India. 1973. Code of Criminal Procedure.
- Jones, L., & Tulloch, O. 2020. COVID-19: Why are prisons a particular risk, and what can be done to mitigate this? SSHAP, 2020, <https://www.socialscienceinaction.org/resources/covid-19-prisons-particular-risk-can-be-done-mitigate/> [21 Disember 2020].
- Kuala Lumpur Bar. 26 Oktober 2020. COVID-19 Positive Cases in Jinjang Remand Centre, Circular No. 131/2020. <https://www.klbar.org.my/covid-19-positive-cases-jinjang-remand-centre/> [23 Disember 2020].
- Lim Kit Siang v Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad [1987] 1 MLJ 383.
- Majlis Keselamatan Negara. 15 Disember 2020. Norma Baharu. [http://covid-19.moh.gov.my/faqsop/sop-perintah-kawalan-pergerakan-pkp/SOP-Norma-Baharu\\_-Dikemaskini-pada-15-Disember-2020.pdf](http://covid-19.moh.gov.my/faqsop/sop-perintah-kawalan-pergerakan-pkp/SOP-Norma-Baharu_-Dikemaskini-pada-15-Disember-2020.pdf) [24 Disember 2020].
- Majlis Peguam Malaysia. 1 April 2020. Remand Applications during the Movement Control Order, Circular No. 085/2020. [https://www.malaysianbar.org.my/cms/upload\\_files/document/Circular%20No%20085-2020.pdf](https://www.malaysianbar.org.my/cms/upload_files/document/Circular%20No%20085-2020.pdf) [23 Disember 2020].
- Malaysia. Akta Polis 1967. (Akta 344).
- Malaysia. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. (Akta 342).
- Malaysia. Kanun Tatacara Jenayah. (Akta 593).
- Moscrop, A., Dromer, C., Leclerc, E. & Yiehdego, G. *Penjagaan Kesihatan Dalam Tahanan: Panduan Praktikal*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC).
- Newbold, S. C., Finnoff, D., Thunström, L., Ashworth, M. & Shogren, J. F. 2020. Effects of physical distancing to control COVID-19 on public health, the economy, and the environment. *Environmental and Resource Economics* 76 (4): 705-729.
- Ouassou, H., Kharchoufa, L., Bouhrim, M., Daoudi, N. E., Imtara, H., Bencheikh, N., Elbouzidi, A. & Bnouham, M. 2020. The pathogenesis of Coronavirus Disease 2019 (COVID-19): Evaluation and prevention. *Journal of Immunology Research*: 1-7.
- Parlimen Malaysia. *Penyata Rasmi Parlimen Kamar Khas*. Parlimen Keempat Belas Penggal Ketiga Mesyuarat Ketiga. Bil 44. 3 Disember 2020. Seksyen Penyata Rasmi Parlimen Malaysia.
- Rafidah Mat Ruzki. 8 Oktober 2020. COVID-19: SOP baharu pengurusan banduan, tahanan reman. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/739806/covid-19-sop-baharu-pengurusan-banduan-tahanan-reman> [24 Disember 2020].
- Ray Sherman & Noah Lee. 8 Oktober 2020. Malaysia laksana peraturan baharu, tegas bendung penularan COVID-19 dalam penjara. *BeritaBenar*. <https://www.benarnews.org/malay/berita/my-penjara-covid-201008-10082020145121.html> [12 Januari 2020].
- R v Baidwan 2020 ONSC 2349.
- Sehrawat, S. & Rouse, B. T. 2020. Does the hygiene hypothesis apply to COVID-19 susceptibility? *Micorbes and Infection* 22(9): 400-402.
- Skolnik, T. 2020. Criminal law during (and after) COVID-19. *Manitoba Law Journal* 43 (4): 145-179.
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). 2013. Hak kesihatan di dalam penjara. <https://www.suhakam.org.my/ms/right-to-health-in-prison/> [25 Disember 2020].
- Thote, G. 2020. Remand to police custody via video conferencing: An analysis. *LatestLaws.com*. 24 Jun. [https://www.latestlaws.com/articles/remand-to-police-custody-via-video-conferencing-an-analysis/#\\_edn3](https://www.latestlaws.com/articles/remand-to-police-custody-via-video-conferencing-an-analysis/#_edn3) [21 Disember 2020].
- Trivedi, D. 2020. Prisons become breeding grounds for the coronavirus. *Frontline – India's National Magazine*. <https://frontline.thehindu.com/the-nation/tinderbox-prisons/article32296969.ece> [9 Januari 2021].
- Wibberley, L., Meads, V., Roche, P. & QC Monteith, K. 2020. Coronavirus – Bail and custody time limits protocol for protecting the rights and lives of prisoners and their families. *Garden Court Chambers*. <https://www.gardencourtchambers.co.uk/news/coronavirus-bail-and-custody-time-limits-protocol-for-protecting-the-rights-and-lives-of-prisoners-and-their-families> [23 Disember 2020].
- World Health Organization. 2020. Coronavirus disease (COVID-19): How is it transmitted? 9 Julai. <https://www.who.int/news-room/q-a-detail/coronavirus-disease-covid-19-how-is-it-transmitted> [10 Januari 2021].



World Health Organization. 2020. WHO Coronavirus Disease (COVID-19) Dashboard - India. <https://covid19.who.int/region/searo/country/in> [11 Januari 2021].

World Health Organization. 2020. WHO Coronavirus Disease (COVID-19) Dashboard - Malaysia. <https://covid19.who.int/region/wpro/country/my> [11 Januari 2021].

Yi-Chi Wu, Ching-Sung Chen & Yu-Jiun Chan. 2020. The outbreak of COVID-19: An overview. *Journal of the Chinese Medical Association* 83 (3): 217-220.

Abidah Rahim  
Pelatih dalam Kamar  
Tetuan Othman Hashim & Co.  
Unit No. Lp08-09, Lp Floor  
Menara TJB, No. 9, Jalan Syed Mohd Mufti  
80000 Johor Bahru, Johor  
Emel: abidahrahim.ar@gmail.com

Muhamad Sayuti Hassan (Pengarang bersama)  
Fakulti Undang-Undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor  
Emel: sayutihassan@ukm.edu.my

Yeoh Hui Xian  
Alumni  
Fakulti Undang-Undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor  
Emel: yhuixian97@gmail.com

Nur Aliah bt Amran  
Alumni Fakulti Undang-Undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor  
Emel: alliah.amran@gmail.com